David Chelliah @ Kovilpillai Chelliah David lwn Monorail Malaysia Technology Sdn Bhd & Lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN SIVIL NO S2–21–72 TAHUN 2003
AZMEL H
18 OKTOBER 2004

Prosedur Sivil — Bayaran di luar mahkamah — Bayaran interim — Syarat-syarat yang perlu dipenuhi — Sama ada defendan mengaku liabiliti — Sama ada plaintif membuktikan kerugian 'substantial' — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 22A k 3(2)

Semasa berada di pembahagi jalan di bawah trek ternaik tren Monorail dengan niat untuk menyeberangi jalan, salah satu roda tren Monorail yang melintas di atas tempat plaintif sedang berdiri telah tertanggal dan menimpa kepala plaintif. Akibat kejadian itu plaintif telah tidak sedarkan diri dan mengalami kecederaan teruk di bahagian kepala. Plaintif telah memulakan tindakan terhadap defendan-defendan. Sementara menanti penyelesaian tindakan tersebut, plaintif telah memfailkan satu permohonan (kand 12) di bawah A 22A Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT 1980') untuk mendapat perintah bahawa defendan pertama hingga ketiga membuat pembayaran interim kepada plaintif. Isu untuk diputuskan oleh mahkamah ialah sama ada syarat-syarat di bawah A 22A k 3(2) KMT 1980 telah dipenuhi sebelum mahkamah boleh menggunakan budi bicara untuk membenarkan permohonan plaintif tersebut.

Diputuskan, menolak permohonan plaintif:

(1) Plaintif tidak boleh bergantung kepada dakwaan bahawa defendan pertama dan kedua telah mengakui liabiliti, kerana jika pembelaan *novus actus intervenieus* yang dibangkitkan oleh defendan pertama dan kedua berjaya dibuktikan, defendan pertama dan kedua akan dilepaskan daripada tanggungan sepenuhnya atau setidak-tidaknya jumlah ganti rugi dikurangkan bergantung kepada tahap liabiliti mereka setelah mengambil kira campur tangan pihak ketiga (lihat perenggan 21).

(2) Pada keterangan, tiada bukti bahawa plaintif akan mendapat ganti rugi yang substantial. Oleh yang demikian permohonan plaintif tidak boleh dipertahankan (lihat perenggan 34 dan 35).

[**English summary**

Whilst on a road divider under the Monorail tracks, the plaintiff was hit by a wheel that had fallen of from a Monorail train that was running overhead. As a result, the plaintiff suffered severe head injuries. The plaintiff commenced an action against the defendants. Pending the conclusion of the action, the plaintiff

filed an application for interim payment (encl 12) pursuant to O 22A of the Rules of the High Court 1980 ('RHC 1980') for an order for the first, second and third defendants to pay an interim payment to the plaintiff. The issue for the court to decide was whether the conditions under O 22A r 3(2) of the RHC 1980 have been fulfilled before the court could exercise its discretion to allow the plaintiff's application.

Held, dismissing plaintiff's application:

(1) The plaintiff could not rely on the claim that the first and second defendants had admitted their liability, as in the event that they were successful in proving their defence of *novus actus intervenieus*, they would be released from the entire liability or at the very least, the damages would be reduced accordingly after considering the third party intervention (see para 21).

(2) On evidence, there was no proof that the plaintiff would be awarded with substantial damages. Therefore, the plaintiff's application could not be maintained (see paras 34 and 35).]

Nota-Nota

Untuk kes-kes mengenai bayaran interim, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 4374–4375.

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 22A, k 3, 11

Cyrus Das (Steven Thiru bersamanya) (Shook Lin & Bok) untuk pihak plaintif.
T Tharumarajah (S Anandarajah bersamanya) (Azim Tunku Farik & Wong) untuk pihak defendan-defendan.

Azmel H:

[1] Plaintif merupakan seorang wartawan kanan yang bertugas dengan BERNAMA. Pada lebih kurang jam 2.50ptg 16 Ogos 2002 semasa plaintif sedang berjalan menyeberangi Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur dan sampai di pembahagi jalan di bawah trek ternaik tren Monorail dengan niat untuk menyeberang di bahagian Shangri La Hotel sebuah tren Monorail melintas diatas tempat plaintif sedang berdiri. Tren Monorail tersebut sedang melakukan perjalanan percubaannya. Salah satu roda keselamatan tren Monorail telah tertanggal dari tren dan menimpa kepala plaintif. Akibat kejadian itu plaintif telah tidak sedarkan diri dan mengalami kecederaan teruk di bahagian kepala.

[2] Plaintif mendakwa roda keselamatan tersebut tertanggal akibat kecuaian defendan-defendan. Akibat kecederaan yang dialami plaintif mengalami berbagai

komplikasi kesihatan. Keupayaan plaintif untuk bekerja sebagai wartawan juga dikatakan telah terjejas dengan teruknya. Plaintif menuntut ganti rugi am dan khas akibat kemalangan yang menimpanya. Ganti rugi yang dituntut terdiri daripada antara lain untuk kesusahan, kesakitan, kehilangan kemudahan, kehilangan keupayaan pendapatan, kehilangan kemudahan-kemudahan kehidupan dan penjagaan dan kejururawatan masa depan serta juga perbelanjaan perubatan masa depan yang didakwa pada kadar RM5,000 sebulan. Ganti rugi am yang dituntut oleh plaintif sahaja tidak termasuk ganti rugi khas berjumlah RM5 juta.

[3] Defendan pertama, kedua dan ketiga menafikan kecuaian mereka menjadi punca kejadian yang menimpa plaintif. Secara spesifiknya defendan pertama, kedua dan ketiga menafikan butir-butir kecuaian yang disenaraikan oleh plaintif di dalam pernyataan tuntutan. Defendan pertama, kedua dan ketiga juga membangkitkan pembelaan cuai sumbangan di mana dikatakan bahawa plaintif menyumbang kepada kecederaan yang dialami dengan berjalan dan melintas di kawasan yang tidak ditandakan sebagai lintasan pejalan kaki serta gagal mengambil langkah-langkah keselamatan. Plaintif juga didakwa gagal memberi perhatian kepada keselamatan diri semasa melintas di bawah trek Monorail. Defendan pertama, kedua dan ketiga telah mengambil langkah dan penjagaan yang berpatutan dalam tindakan mereka membentuk, memproses pemasangan, penyelenggaraan tren Monorail.

[4] Roda tren yang tertanggal didakwa disebabkan oleh perbuatan khianat pihak ketiga yang belum dikenal pasti. Siasatan yang telah dijalankan menunjukkan adanya campur tangan pihak ketiga yang menjadi punca kejadian yang menimpa plaintif. Penyiasatan oleh badan khas yang dilantik oleh defendan pertama, kedua dan ketiga untuk menyiasat kemalangan yang menimpa plaintif tidak menemukan sebarang kecacatan dalam rekaan dan pemasangan Monorail yang boleh menyebabkan roda keselamatan tersebut telah tertanggal dengan sendirinya. Konklusi tunggal yang boleh dibuat ialah ianya disebabkan oleh sabotaj oleh pihak ketiga.

[5] Defendan keempat dalam pembelaannya menyatakan segala langkah dan pengawasan yang berpatutan, munasabah, perlu dan secukupnya telah diambil termasuk dalam mengadakan syarat-syarat bagi pemasangan suatu sistem keselamatan Monorail. Perjanjian konsesi antara kerajaan Malaysia dan pemaju sistem Monorail juga telah melepaskan pihak kerajaan daripada sebarang tuntutan yang timbul dari pembinaan, operasi atau penyelenggaraan tren Monorail dan defendan kedua akan menanggung rugi kerajaan Malaysia untuk sebarang tindakan berkaitan perjanjian konsensi tersebut. Percubaan yang dilakukan untuk menguji tren Monorail tidak memerlukan kelulusan defendan keempat dan perjanjian konsesi menetapkan kelancaran pengujian adalah tanggungan defendan kedua.

[6] Selanjutnya defendan keempat mendakwa kecederaan plaintif adalah disebabkan kecuaian defendan pertama, kedua dan ketiga. Defendan keempat

juga mendakwa ada cuai sumbangan dipihak plaintif bila mana plaintif gagal melintas di tempat yang sepatutnya dan tidak mengambil langkah keselamatan mengelakkan kemalangan dari berlaku.

[7] Plaintif di dalam jawapan kepada pembelaan defendan-defendan menyatakan beliau berhak untuk menjangkakan yang roda keselamatan tren Monorail tidak akan tertanggal. Defendan pertama, kedua dan ketiga telah gagal mencegah perbuatan khianat pihak ketiga terhadap roda keselamatan tren dan ianya merupakan suatu pengakuan liabiliti.

[8] Pada 15 Januari 2004, plaintif telah memfailkan notis permohonan (kand 12) di bawah A 22A Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KMT 1980) untuk mendapat perintah bahawa defendan 22A Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 membuat pembayaran interim kepada plaintif sementara menanti penyelesaian tindakan ini. Dalam pada itu, defendan ketiga memfailkan permohonan untuk meminda pernyataan pembelaannya (kand 17) dan juga untuk membatalkan tindakan plaintif terhadapnya (kand 19).

[9] Pada 4 Jun 2004 defendan ketiga berjaya membatalkan tindakan plaintif terhadapnya tanpa bantahan plaintif. Selaras dengan itu, defendan ketiga bukan lagi pihak di dalam tindakan ini dan kand 12 tidak lagi melibatkan defendan ketiga.

[10] Bagi memudahkan rujukan, saya akan memperturunkan bahagian-bahagian yang material di dalam afidavit yang difailkan oleh kesemua pihak berkenaan dengan kand 12. Untuk itu saya bermula dengan afidavit sokongan plaintif. Di dalam afidavit sokongannya (kand 11) plaintif antara lain menyatakan:

(1) Plaintif percaya akan mendapat penghakiman yang menyebelahinya dan akan diawardkan ganti rugi yang besar dan tanpa sebarang pengurangan jumlah pampasan akibat kesilapan plaintif.

(2) Di perenggan 8 pernyataan pembelaan defendan pertama hingga ketiga, mereka telah menyatakan bahawa roda keselamatan tren yang terjatuh dan terkena plaintif disebabkan adanya campur tangan pihak ketiga yang belum dikenal pasti.

(3) Oleh defendan-defendan telah mengakui tuntutan plaintif dan plaintif berhak mendapat bayaran interim.

(4) Roda keselamatan tersebut terjatuh akibat kecuaian defendan pertama hingga ketiga.

(5) Plaintif telah mengalami kecederaan yang teruk.

(6) Plaintif mengalami kesukaran dan kelemahan kepada pemikiran, tidur terganggu, kemurungan, pening kepala dan sebelah badan tidak berfungsi.

(7) Pada masa depan plaintif mungkin akan mengalami kecederaan otak, risiko sawan, kelupaan, kurang penumpuan dan menyepi diri dari masyarakat.

(8) Laporan doktor eks KCD–1 menunjukkan plaintif mengalami kecederaan yang serius dan berkekalan serta komplikasi yang mungkin dialami pada masa depan.

(9) Pada pendapat doktor plaintif akan mengalami kecederaan yang lebih teruk di masa depan dan mencadangkan rawatan di luar negara.

(10) Sejak kemalangan berlaku plaintif telah kehilangan pendapatan dan tidak dapat lagi bekerja sebagai wartawan dan telah kehilangan pendapatan RM5,000 sebulan.

(11) Hingga kini plaintif telah mengalami ganti rugi khas berjumlah RM15,000 — resit perbelanjaan perubatan ialah eks KCD–2. Plaintif juga menanggung perbelanjaan ibunya bagi rawatan dialysis bagi penyakit kencing manis dan resit pembayaran rawatan ialah eks KCD–3.

(12) Plaintif juga mendapat rawatan tradisional berjumlah RM5,000.

(13) Kehidupan plaintif terjejas akibat kemalangan tersebut dan hubungan kekeluargaan juga turut terjejas.

(14) Plaintif menuntut ganti rugi sebanyak RM5 juta tidak termasuk ganti rugi khas.

(15) Defendan-defendan pertama hingga ketiga mempunyai perlindungan insuran dan mempunyai kemampuan untuk membuat bayaran interim.

(16) Jumlah pampasan yang dituntut tidak mungkin akan diperoleh dalam masa terdekat.

(17) Plaintif menuntut sejumlah RM250,000 atau jumlah yang lain yang substantial.

[11] Di dalam jawapannya defendan pertama dan kedua (kand 22) menyatakan antara lain seperti berikut:

(1) Jika tindakan ini dibicarakan plaintif tidak mungkin mendapat ganti rugi yang besar.

(2) Terdapat kecuaian sumbangan oleh plaintif seperti mana diperincikan di dalam pernyataan pembelaan defendan pertama dan kedua.

(3) Kecuaian bukan sahaja ditumpukan kepada defendan pertama dan kedua tetapi juga melibatkan kecuaian defendan ketiga dan keempat.

(4) Di perenggan 8 pernyataan pembelaan mereka, defendan pertama dan kedua tidak mengakui liabiliti.

(5) Roda keselamatan tersebut disabotaj dan terdapat *novus actus interveniens*.

(6) Siasatan oleh defendan pertama dan kedua mendapati tiada kemungkinan reka bentuk, pemasangan atau sistem penyelenggaraan menjadi faktor yang menyebabkan roda keselamatan tertanggal pada 16 Ogos 2002.

(7) Roda keselamatan tertanggal kerana campur tangan pihak ketiga yang tidak dikenali sebagaimana yang dinyatakan di dalam laporan pasukan siasatan di eks BJ–2.

(8) Tiada laporan perubatan yang menyatakan plaintif telah menjadi tempang akibat kecederaan yang dialami.

(9) Defendan pertama dan kedua telah memperoleh keterangan pakar mengenai keadaan plaintif — eks BJ–3.

(10) Eksibit BJ–3 menunjukkan kecederaan plaintif tidak teruk.

(11) Kemungkinan kecederaan plaintif menjadi teruk pada masa depan juga adalah tipis.

(12) Plaintif masih lagi bekerja sebagai wartawan dengan BERNAMA.

(13) Defendan pertama dan kedua menafikan perbelanjaan untuk ganti rugi khas yang didakwa telah dibelanjakan oleh plaintif.

(14) Tiada bukti Kovipillai Mary yang dinyatakan di dalam eks KCD–3 merupakan ibu plaintif.

(15) Jika betul plaintif mendapat rawatan tradisional orang yang memberi rawatan oleh mengikrarkan afidavit.

(16) Terdapat empat defendan di dalam tindakan ini oleh itu wujud pertikaian mengenai isu quantum dan tidak sesuai untuk dibuat perintah bayaran interim.

[12] Di dalam afidavit lanjutannya (kand 24) plaintif membalas dengan menyatakan antara lain plaintif seperti berikut:

(1) Plaintif pada ketika ini kesempitan wang untuk mendapat nasihat lanjutan mengenai masalah kesihatannya.

(2) Eksibit KCD–1 menunjukkan kecederaan plaintif adalah traumatik dan ini akan memberikan ganti rugi yang substantial kepada plaintif.

(3) Jika permohonan ini dibenarkan plaintif berupaya mendapat laporan perubatan yang lebih kemas kini.

(4) Tiada dokumen yang menunjukkan adanya cuai sumbangan dipihak plaintif.

(5) Perbezaan kecuaian defendan pertama telah disenaraikan didalam pernyataan tuntutan.

(6) Tuntutan terhadap defendan ketiga telah dibatalkan dan defendan keempat merupakan pihak berkuasa awam dan plaintif boleh memilih dengan siapa beliau ingin mendapatkan pembayaran interim.

(7) Laporan perubatan di eks KCD–1 menunjukkan kemungkinan adanya kecederaan otak yang teruk dan kekal.

(8) Eksibit BJ–3 di dalam afidavit jawapan defendan pertama dan langsung tidak berkenaan dengan keadaan perubatan plaintif dan ianya merujuk kepada kecederaan orang lain.

(9) Keadaan plaintif menjejaskan keupayaan plaintif bekerja sebagai wartawan dan menghalang kemajuan kerjaya plaintif. Plaintif tidak lagi dapat membuat liputan luar dan hanya bekerja dipejabat.

(10) Eksibit KCD–1 telah dirujuk kepada Dr Deepak Arjundas diApollo Hospitals Chennai, India dan doktor tersebut menasihatkan rawatan neuro lanjutan dan melibat wang sejumlah USD10,000 — salinan surat Dr Deepak eksibit KCD–4.

(11) Defendan pertama dan kedua telah membuat pengakuan berkenaan liabiliti mereka di dalam perenggan 8 pernyataan pembelaan.

[13] Melalui afidavit lanjutan di kand 25 plaintif mengemukakan sijil lahir beliau (eks KCD–5) untuk menunjukkan bahawa Kovipillai Mary adalah ibu plaintif sebagai membalas pengataan defendan pertama dan kedua bahawa tiada bukti perbelanjaan di eks KCD–3 tiada kaitan dengan ibu plaintif.

[14] Defendan pertama dan kedua di dalam afidavit balasan lanjutan mereka di kand 26 yang antara lain menyatakan:

(1) Kerani peguam cara defendan kedua dan ketiga telah tersilap melampirkan laporan pakar orang lain di dalam kand 22.

(2) Laporan perubatan yang sebetulnya ialah pendapat pakar plaintif yang dibuat oleh En B Gunasekaran dari Gleneagles Medical Centre yang bertarikh 8 Mac 2004 dan di lampir serta ditandakan sebagai eks BJ–3A.

(3) Jika perbicaraan diteruskan berdasarkan laporan perubatan dieks KCD–1 dan KCD–4 ganti rugi yang diperoleh yang akan diperoleh oleh plaintif tidak substantial.

(4) Daripada dokumen yang telah dikemukakan sebelum ini terdapat cuai sumbangan oleh pihak plaintif.

(5) Kecuaian yang didakwa berlaku bukan sahaja bertumpu kepada defendan pertama dan kedua tetapi juga kepada kecuaian defendan keempat.

(6) Laporan di eks KCD–4 tidak boleh diterima pakai kerana ianya tidak lengkap dan jelas serta tiada pemeriksaan dijalankan keatas plaintif.

(7) Adalah tidak wajar untuk membenarkan permohonan plaintif untuk mendapatkan bayaran interim pada peringkat ini.

[15] Tidak cukup dengan afidavit-afidavit yang terdahulu, plaintif memfailkan kand 28 bagi menjawab pengataan defendan pertama dan kedua di dalam afidavit lanjutan mereka. Antara lain plaintif menyatakan seperti berikut:

(1) Dr B Gunasekaran tidak pernah merawat plaintif dan tidak berada di dalam kedudukan yang wajar untuk membuat kesimpulan seperti mana di dalam laporan perubatan yang disediakan oleh beliau.

(2) Secara alternatif laporan tersebut tidak muktamad berhubung dengan keadaan kesihatan plaintif pada masa ini atau pada masa depan.

(3) Dr B Gunasekaran namun begitu mengambil perhatian kepada tahap teruknya kecederaan plaintif berdasarkan laporan yang disediakan oleh Dr Ravi Krishnapillai dan ini merupakan pengakuan defendan yang membolehkan plaintif mendapat perintah dipohon.

(4) Plaintif kini telah mendapat laporan daripada Dr Richard Veerapan (Dr Richard) seorang pakar Perunding Neuro yang telah memeriksa plaintif pada 11 Februari 2001 dan laporan tersebut hanya diperoleh pada 2 Ogos 2004 kerana plaintif tidak mampu membayar kos laporan tersebut — laporan dan resit pembayaran ialah eks KCD–6.

(5) Plaintif juga telah diperiksa susulan oleh Dr Ravi Krishnapillai (Dr Ravi) pakar perunding neuro dan beliau telah menyediakan laporan eks KCD–1. Dr Ravi juga telah menyediakan laporan bertarikh 4 Ogos 2004 yang laporan tersebut ialah eks KCD–7.

(6) Laporan perubatan yang dikemukakan jelas menunjukkan keadaan kesihatan plaintif tidak bertambah baik dan tiada tanda ianya akan menjadi lebih baik di masa akan datang.

(7) Dr Ravi melalui suratnya bertarikh 9 Ogos 2004 mengesahkan plaintif akan bertambah baik dan mendapat manfaat daripada terapi pemulihan dan satu taksiran psiklogi neuro seperti mana yang dicadangkan. Surat Dr Ravi tersebut ialah eks KCD–8.

(8) Aturan 22A k 11 KMT 1980 tidak terpakai kepada defendan keempat.

(9) Defendan pertama dan kedua telah mengakui kecuaian mereka.

(10) Laporan perubatan di eks KCD–4 amat jelas dan lengkap dan memadai bahawa plaintif memerlukan rawatan dan pemerhatian selanjutnya ketika ini. Eksibit KCD–9 ialah surat Dr Deepak Arjundas daripada Appolo Hospitals bertarikh 6 Ogos 2004 mengenai rawatan yang plaintif perlukan.

(11) Plaintif menghadapi masalah ketika ini dan isteri plaintif telah berhenti kerja di Malaysia untuk mendapat gaji yang lebih lumayan

di Saudi Arabia. Ketiadaan isteri menyebabkan kesusahan plaintif bertambah.

[16] Setelah membentangkan afidavit-afidavit yang telah difailkan oleh pihak-pihak saya akan menentusahkan sama ada permohonan plaintif boleh dipertahankan dan seterusnya dibenarkan. Saya bermula dengan meneliti bidang kuasa mahkamah untuk memerintahkan pembayaran interim. Aturan 22A k 3 KMT 1980 memberi budi bicara kepada mahkamah untuk membuat bayaran interim. Aturan tersebut berbunyi:

> Jika atas pendengaran permohonan suatu permohonan di bawah kaedah 2 dalam suatu tindakan untuk mendapatkan ganti rugi, mahkamah berpuas hati:
>
> (a) bahawa responden yang terhadapnya perintah dipohon (dalam perenggan ini disebut sebagai 'responden') telah mengakui liabiliti bagi tuntutan plaintif; atau
>
> (b) bahawa plaintif telah mendapat penghakiman terhadap responden bagi ganti rugi yang dikehendaki ditaksirkan; atau
>
> (c) bahawa, jika tindakan ini dibicarakan, plaintif akan mendapat penghakiman bagi ganti rugi substantial terhadap responden atau jika terdapat dua defendan atau lebih, terhadap mana-mana daripada mereka.
>
> Mahkamah boleh, jika difikirkan patut dan tertakluk kepada perenggan (2) memerintahkan responden membuat suatu pembayaran interim bagi apa-apa amaun yang difikirkan adil, tidak melebihi suatu kadar ganti rugi yang munasabah yang pada pendapat mahkamah berkemungkinan didapatkan kembali oleh plaintif setelah mengambil kira apa-apa kecuaian sertaan setelah mengambil kira apa-apa tolakan atau tuntutan balas yang padanya responden berhak untuk bersandar.

[17] Perenggan (2) k 3 kepada A 22A pula menyatakan seperti berikut:

> Tiada perintah boleh dibuat di bawah perenggan (1) dalam suatu tindakan bagi kecederaan diri jika mahkamah mendapati defendan bukanlah orang yang termasuk di dalam satu daripada kategori yang berikut iaitu:
>
> (a) seseorang yang diinsurankan berkenaan dengan tuntutan plaintif;
>
> (b) suatu pihak berkuasa awam; atau
>
> (c) seseorang yang berkemampuan dan sumber pendapatannya adalah sedemikian yang membolehkannya membuat pembayaran interim.

[18] Defendan pertama dan kedua tidak menafikan pihaknya merupakan pihak yang diinsurankan berkenaan tuntutan plaintif. Oleh itu boleh dibuat penetapan fakta bahawa defendan pertama dan kedua merupakan pihak yang diinsurankan berkenaan dengan tuntutan plaintif. Defendan pertama dan kedua juga bukan merupakan pihak berkuasa awam. Di dalam afidavit mereka defendan-defendan pertama dan kedua tidak pernah membuat apa-apa pengataan bahawa mereka tidak berkeupayaan untuk membayar jumlah yang dituntut. Oleh itu A 22A k 3 KMT 1980 terpakai. Apa yang perlu ditentukan ialah sama

ada syarat di bawah A 22A k 3(2) KMT 1980 telah dipenuhi sebelum mahkamah boleh menggunakan budi bicara untuk membenarkan permohonan plaintif. Terdapat tiga keadaan yang membolehkan mahkamah memerintah pembayaran interim iaitu:

(a) defendan mengakui liabiliti; atau

(b) penghakiman telah dibenarkan untuk ganti rugi yang akan ditaksirkan; atau

(c) jika tindakan dibicarakan plaintif akan mendapat ganti rugi yang substantial.

[19] Di dalam tindakan ini tiada sebarang penghakiman telah dimasukkan terhadap defendan pertama dan/atau defendan kedua. Apa yang masih perlu dipertimbangkan terhadap permohonan plaintif ialah sama ada defendan pertama dan kedua telah mengakui liabiliti dan/atau plaintif akan mendapat ganti rugi yang substantial.

[20] Plaintif di dalam permohonannya untuk pembayaran interim mendakwa defendan pertama dan kedua mengakui liabiliti apabila mereka di dalam pembelaan menyatakan terdapat campur tangan pihak ketiga yang menyebabkan roda keselamatan Monorail tercabut dan mengenai plaintif. Soalan yang perlu diputuskan ialah sama ada dengan membangkitkan campur tangan pihak ketiga, defendan pertama dan kedua boleh dianggap telah mengakui tanggungan mereka.

[21] Pada saya pembelaan *novus actus intervenieus* yang akan melepaskan diri defendan pertama dan kedua daripada tanggungan jika berjaya dibuktikan atau setidak-tidaknya mengurangkan tanggungan defendan pertama dan kedua. Jika defendan pertama dan kedua berjaya di dalam pembelaan mereka defendan pertama dan kedua akan dilepaskan daripada tanggungan sepenuhnya atau setidak-tidaknya jumlah ganti rugi dikurangkan bergantung kepada tahap liabiliti mereka setelah mengambil kira campur tangan pihak ketiga. Oleh itu, plaintif tidak boleh bergantung kepada dakwaan bahawa defendan pertama dan kedua telah mengakui liabiliti.

[22] Apa yang masih tinggal yang perlu diputuskan hanyalah sama ada plaintif boleh bergantung kepada pra-syarat di bawah A 22A KMT 1980 bahawa plaintif akan mendapat ganti rugi yang substantial jika berjaya di dalam tuntutannya.

[23] Plaintif di dalam afidavitnya tidak menafikan masih meneruskan kerjaya sebagai wartawan dengan BERNAMA. Cuma peranan plaintif terhad di dalam melakukan tugas di dalam pejabat sahaja. Plaintif di dalam afidavitnya juga tidak menunjukkan bahawa pendapatannya telah dikurangkan akibat kemalangan yang menimpanya itu. Dengan lain perkataan plaintif tidak mengalami kehilangan pendapatan pada masa ini. Berkenaan dengan bayaran rawatan ibu plaintif jika sekalipun plaintif terpaksa membayar rawatan dialysis ibunya, ianya tidak akan memberikan ganti rugi yang substantial hanya semata-mata fakta tersebut.

Rawatan dialysis mengikut eks KCD–3 hanya melibatkan RM203 setiap kali rawatan. Pada masa ini berdasarkan eks KCD–5 ibu plaintif berusia 66 tahun. Pastinya jika defendan pertama dan kedua perlu membayar kos rawatan tersebut jika didapati bertanggungan ianya tidak akan melibat jumlah yang substantial dan untuk jangka masa yang lama. Apa yang akan memberikan jumlah ganti rugi yang substantial ialah keadaan kesihatan serta rawatan bagi merawat keadaan tersebut pada masa depan.

[24] Plaintif di dalam afidavit sokongannya telah mengemukakan resit perbelanjaan yang merupakan ganti rugi khas dan juga laporan kecederaan eks KCD–1 dan juga laporan lanjutan di KCD–4, KCD–6, KCD–7, KCD–8 dan KCD–9 yang menunjukkan kecederaan serius yang dialami dan kecacatan yang berlaku akibat kemalangan tersebut serta kemungkinan kecederaan pada masa hadapan yang membolehkannya mendapat ganti rugi yang substantial.

[25] Defendan pertama dan kedua pula menyatakan kecederaan plaintif tidak serius dan ganti rugi yang akan diperoleh tidak substantial. Alasannya ialah defendan pertama dan kedua mengemukakan laporan pakar yang memberi pandangan kecederaan plaintif tidak serius. Laporan pakar tersebut ialah eks BJ–3 di kand 22. Malangnya eks BJ–3 ialah laporan pakar oleh Dr B Gunasekaran mengenai laporan punca kematian Md Bakri B Md Ariffin dan bukannya ulasan mengenai laporan perubatan plaintif.

[26] Setelah menyedari kesilapan tersebut, defendan pertama dan kedua memfailkan afidavit pembetulan melalui kand 26 di mana dinyatakan bahawa kerana peguam cara defendan telah secara tidak sengaja melakukan kesilapan dengan memasukkan laporan perubatan yang salah. Defendan pertama dan kedua mengemukakan semula laporan perubatan yang ditandakan sebagai eks BJ–3A berkenaan dengan keadaan kesihatan plaintif. Laporan Dr B Gunasekaran adalah ulasan berdasarkan laporan daripada laporan doktor plaintif bertarikh 20 Disember 2002.

[27] Di dalam eks BJ–3A doktor pakar defendan mengesahkan plaintif 'sustained a severe injury to his head consisting of fracture of the skull vault extending into the base and complicated by a right frontal extradural heamatoma, which require surgical treatment'. Dr B Gunasekaran di dalam laporannya mengatakan bahawa orang yang mengalami kecederaan teruk di kepala boleh dan akan bertambah baik dan 90% recovery boleh berlaku selepas enam bulan selepas kecederaan yang berlaku. Ditambah seterusnya oleh doktor pakar defendan pertama dan kedua bahawa:

> Hence whether his disabilities are permanent or not can only be confirmed when the patient is assessed at least one year after the injury.

[28] Dengan kata lain selepas setahun kecederaan pesakit perlu diperiksa untuk menentukan sama ada kecacatan yang dialami itu bersifat kekal atau tidak. Dr B Gunasekaran tidak menafikan orang yang mengalami kecederaan

kepala akan menghadapi risiko 'developing post-traumatic epilepsy' tetapi bukan semua pesakit yang akan menghadapi risiko sedemikian. Risiko mengidap post-traumatic epilepsy berbeza antara lima hingga 60% bergantung kepada jenis kecederaan yang dialami. Dr B Gunasekaran menganggarkan risiko plaintif mengidap post-traumatic epilepsy ialah 15% dan di dalam kebanyakan kes post-traumatic epilepsy ianya bermula di dalam masa dua tahun selepas kecederaan dan jika tidak berlaku di dalam tempoh tersebut risikonya akan bertambah kurang selepas dua tahun dan seterusnya hilang melalui peredaran masa. Jika sekalipun berlaku post-traumatic epilepsy ianya boleh dirawat dengan ubatan.

[29] Laporan perubatan plaintif di eks KCD–6 disediakan oleh Dr Richard bertarikh 29 Januari 2003 menunjukkan bahawa plaintif mengalami 'mild incoordinate difficulty with the left upper limb and mild weakness across the left knee, features which are compatible with an injury to the right side of the brain'. Dr Richard menambah:

> There appears to have been a mild personality change (he has become quiet and less interactive) and this is compatible with the frontal lobe injury of the injury. These changes may be permanent in nature.
>
> The changes in the MRI scans confirm right frontal lobe injuries which will be permanent in nature but non-progressive.
>
> He is at increased risk of developing epilepsy as a result of the cortical trauma in the frontal lobes of the brain (15% to 20% higher than a normal person), and should he develop epilepsy, he may require long term anti epileptic treatment.

[30] Daripada laporan yang dikemukakan oleh plaintif ianya menunjukkan plaintif masih mengalami kelemahan di bahagian kiri badan dan risiko mendapat epilepsy di antara 15 hingga 20% dan jika ianya berlaku keadaan tersebut masih boleh dirawat dengan ubatan. Laporan Dr B Gunasekaran itu bukan laporan terbaru mengenai keadaan kesihatan plaintif. Laporan tersebut berasaskan kepada pemeriksaan yang dibuat oleh Dr Richard pada 11 September 2002 dan juga laporan Dr Ravi Krishnapillai (Dr Ravi) bertarikh 20 Disember 2002. Apa yang penting pada 3 Ogos 2004 plaintif telah diperiksa lanjutan oleh Dr Ravi. Di dalam eks KCD–7 Dr Ravi mendapati plaintif:

> Slightly slower hand movement was noted in the left hand side. There was marginally reduced power as well in the left lower limb.

[31] Dr Ravi membuat kesimpulan seperti berikut:

> In summary most of his problems persist and there is a subjective element of deterioration.

[32] Dr Ravi dalam KCD–7 tidak menyatakan bahawa plaintif telah mengalami post-traumatic epilepsy. Melalui surat di eks KCD–8 Dr Ravi menyatakan adalah baik untuk plaintif membuat 'detailed neoropsychological assessment

and to receive further rehabilitative therapy'. Dr B Gunasekaran di dalam eks BJ–3A menyatakan post-traumatic epilepsy biasanya akan bermula selepas dua tahun mengalami kecederaan kepala dan risiko akan berkurangan jika dalam masa dua tahun selepas kemalangan. Dr Ravi yang memeriksa semula plaintif pada 3 Ogos 2002 iaitu hampir dua tahun selepas kemalangan pada 16Ogos 2002 tidak mendapati plaintif mengalami post-traumatic epilepsy.

[33] Laporan di eks KCD–7 tidak menunjukkan plaintif mengalami post-traumatic epilepsy. Kecederaan kekal pada masa ini hanya kelemahan di bahagian kiri badan plaintif yang pada pandangan saya jika plaintif berjaya tidak akan memberikan jumlah pampasan yang amat besar. Plaintif pastinya akan mendapat ganti rugi yang substantial jika plaintif mengalami post-trauma epilepsy.

[34] Laporan perubatan yang dikemukakan plaintif jauh dari menunjukkan bahawa plaintif telah mengidap post-traumatic epilepsy. Sebaliknya laporan perubatan yang dikemukakan oleh defendan menunjukkan bahawa risiko plaintif akan terdedah kepada post-traumatic epilepsy telah berkurangan. Pada pandangan saya plaintif tidak akan mendapat ganti rugi yang substantial.

[35] Dengan tiadanya bukti bahawa plaintif akan mendapat ganti rugi yang substantial pada penghakiman saya permohonan plaintif tidak boleh dipertahankan. Di atas sebab-sebab yang saya nyatakan di atas itu saya menolak permohonan plaintif di kand 12 dengan kos.

Permohonan ditolak.

Dilaporkan oleh Izzaty Izzudin